

Hari Keputeraan Ke-77 Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

‘Buat semakan dulu sebelum ikuti pengajian ilmu agama’

Tuanku Muhriz seru pihak berkuasa pantau, sebar maklumat kumpulan ajaran sesat kepada masyarakat

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Kuala Pilah: Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir mahu tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar mengikut enakmen syariah negeri.

Baginda menyeru pihak berkuasa agama negeri untuk sentiasa memantau dan menyebarluaskan maklumat mengenai individu atau kumpulan yang menyebarkan ajaran sesat kepada masyarakat, bagi memastikan kejadian ajaran sesat seperti yang pernah dilaporkan, tidak berulang.

“Beta juga menyeru kepada rakyat beragama Islam, agar lebih berhati-hati dan membuat sema-

kan terlebih dahulu sebelum mengikut sebarang pengajian ilmu agama. Ini penting untuk mengelakkan kita daripada mengikut ajaran yang salah dan mempunyai agenda terselindung di sebalik perkataan Islam,” titah baginda.

Tuanku Muhriz bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Ke-77 baginda di Istana Besar Seri Menanti, di sini semalam.

Selain itu, Tuanku Muhriz bertitah agar kerajaan negeri mengambil kira perkembangan terkini dalam memodenkan pentadbiran dan perancangan pembangunan negeri, memandangkan penggunaan teknologi juga satu daripada indikator dalam menilai kemajuan.

Aplikasi teknologi terkini

Baginda bertitah, aplikasi teknologi terkini dalam pentadbiran mampu mengoptimum proses kerja, selain menjimatkan kos dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

“Justeru, penggunaan teknologi terkini perlulah diperkasa dan dijadikan antara agenda utama pembangunan negeri. Langkah ini pasti akan melancarkan

pelaksanaan program pembangunan yang akan meningkatkan pertumbuhan pelbagai sektor ekonomi negeri,” titah baginda.

Selain itu, Tuanku Muhriz menzahirkan harapan supaya pentadbiran kerajaan negeri dapat memastikan sumber negeri dioptimum penggunaannya menerusi penyelarasan semua piaku untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

“Pengurusan alam sekitar yang cepak dan berkesan mampu mengurangkan risiko bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Justeru, usaha pembangunan mesti seiring dengan pemuliharaan alam sekitar agar negeri dapat diwariskan kepada generasi akan datang dalam keadaan yang baik,” titah baginda.

Tuanku Muhriz juga menzahirkan penghargaan kepada barisan pentadbiran negeri, penjawat awam Persekutuan dan negeri serta pasukan keselamatan atas khidmat yang diberikan, dan menyeru mereka terus memberikan perkhidmatan terbaik secara telus, beretika dan berintegriti.

Baginda turut menitahkan supaya penerima darjah, bintang dan pingat kobesaran negeri agar



Tuanku Muhriz berkenan mengurniakan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang kepada Rafizi sempena Hari Keputeraan Ke-77 baginda di Istana Besar Seri Menanti, semalam.

(Foto BERNAMA)

sentiasa memelihara imej, tatasusila, tingkah laku dan kepribadian bagi menjaga kemulian dan pengiktirafan yang dikurniakan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa serta bakti yang mereka berikan.

Istiadat semalam menyaksikan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mendahului senarai 555 penerima yang dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) membawa gelaran Datuk Seri.